sapulut

Bringing Back The Natural Forest and Managing It Sustainably

SAPULUT NEWSLETTER

Jilid 2/2019, Isu 12

30 Jun 2019

Visi
Memulihkan hutan semula jadi dan menguruskannya secara mampan

Matlamat Dasar
Membekal sumber kayu kayan yang konsisten, menepati jangkaan dan mampan dari hutan NFM dan ITP (BASIL)

Nilai-Nilai Dasar

- Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui;
- Cinta dan hormat pada diri sendiri, rakan-rakan dan alam semulajdi;
- Mengiktiraf dan menggalakkan kerja berpasukan, dan tidak pernah mengecewakan ahli-ahli pasukan;
- Peningkatan dan pembaharuan diri dan Sapulut yang berterusan melalui proses latihan dan pembelajaran, dan mempraktikkan "Saya lihat, Saya berfikir dan Saya lakukan"
- Disiplin - disiplin diri, pemikiran dan tingkah laku yang berdisiplin;
- Melaksanakan tugasan biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan;
- Mengetahui peraturan-peraturan, dan tahu bagaimana untuk memecahkannya dengan cara yang betul.
- Cetusan idea adalah mudah tetapi pelaksanaan adalah segala-galanya. Ia memerlukan pasukan untuk menjayakannya.

Dikemaskini pada 21 Mei 2018 oleh En. Norman Wong

We Value Your Opinion.
Feedback makes us better!

Sepanjang kami menerbitkan buletin ini, kami sentiasa mencari cara untuk memperbaiki dan memaparkan kandungan yang anda dapati menarik dan bermanfaat.

Cara terbaik bagi kami untuk membuat buletin ini dengan lebih baik adalah dengan mendengar dari anda. Kami gembira untuk mendapatkan apa-apa maklumbalas, artikel atau cadangan yang anda fikirkan perlu dimasukkan.

Anda boleh e-mel kepada kami di newsletter@sapulut.com atau masukkan apa-apa maklum balas di dalam kotak cadangan yang disediakan di Kompleks Perhutanan.

DESKRIPSI DARIPADA PENGURUS SYARIKAT

"Perbaiki Masalah, bukan Dokumen"

Baru-baru ini satu cabaran "terbaru" telah menarik perhatian MDO. Cabaran "terbaru" tersebut disifatkan sering kali berulang dan dikategorikan dalam fasa kronik. Malangnya, masalah tersebut tidak diselesaikan dari peringkat awal lagi. Jalan mudah telah diambil dengan memperbaiki dokumen daripada memperbetulkan keadaan.

Saya merujuk khususnya kepada proses "*hauling sheet*", yang merujuk kepada penyediaan TDP. TDP adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan untuk memastikan bahawa kayu-kayu yang disenaraikan berpadanan dengan kayu-kayu yang diangkut oleh lori. Ketepatan 100%, dan sebarang percanggahan boleh menyebabkan lebih banyak pemeriksaan dijalankan dan ini menyebabkan kerja-kerja tersebut tertunda.

Perkara ini menarik perhatian saya dimana pekerja lapangan dan orang atasan tidak dapat memastikan dan memadankan secara tepat rekod di dalam "hauling sheet" dan juga muatan kayu-kayu ke lori di CS. Di samping itu, pemindahan data dari hauling sheet ke TDP juga terdapat kesilapan.

Dengan adanya system atau panduan pekerjaan dan juga akal minda, ia dapat mengenalpasti kesilapan manusia dengan mudah dan boleh dielakkan daripada berlaku kesilapan. Malangnya, kami telah menetapkan piawaian terlalu rendah sehingga kesilapan tersebut dapat diterima dan di samping itu memberikan alasan untuk kesilapan tersebut.

Saya menganggapnya ia satu perbuatan yang tidak boleh diterima dimana kita memilih langkah untuk memperbaiki dokumen tersebut daripada memperbaiki proses pekerja dan kerja-kerja lapangan.
Pada pendapat saya, pemikiran dan tingkah laku tersebut menentang nilai –nilai dasar kita iaitu "Melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa yang mengetahui" dan "Melaksanakan tugasan biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan".

Adakah kita melakukan perkara yang betul dengan memperbaiki dokumen? Adakah kita melaksanakan tugasan biasa dengan hasil yang luar biasa dan memuaskan dengan merekod dengan tidak tepat? Jawapannya jelas: kita gagal dalam langkah-langkah mudah tersebut.

Saya tidak dapat membayangkan kita boleh berfikir sebegitu rendah, menerima kesilapan dengan mudah, dan yang lebih menyedihkan, memberikan alasan bagi menutup kesilapan tersebut. MDO tidak mencari atau mengejar kesempurnaan. Tetapi kami berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Apa yang kami maksudkan adalah kami boleh menerima kesilapan,selagi kita belajar dari kesilapan tersebut dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki diri kita.

Berdasarkan piawaian, individu seharusnya mengelakkan pisang berbuah dua kali. Namun kita memilih untuk mengambil tindakan yang salah dengan membuat keputusan untuk menyembunyikan kesilapan tersebut. Perbuatan ini adalah amat bertentangan dengan nilai-nilai dasar kita dan menjurus ke budaya yang tidak sepatutnya diamalkan.

Untuk mengelakkan pengurangan standard kerja, saya tidak mempunyai pilihan dengan mengatakan bahawa bagi mereka yang tidak dapat menerima dan mengamalkan nilai-nilai dasar syarikat. Dengan itu, syarikat dengan rendah hati memohon kepada mereka yang tidak mampu untuk mengamalkan nilai-nilai dasar tersebut untuk mendapatkan pekerjaan di tempat lain.

Terima Kasih.

Oleh: En. Norman Wong
Jun 2019

Fasa ke- 2 Latihan dan Bimbingan Lean Six Sigma

Gambar 1: GENBA bersama para penanam

Gambar 2: GENBA ke nurseri

Gambar 5: GENBA bersama staff "tree guard "dan FMUEM

Gambar 13: PDCA Penanaman dan pemerhatian kaedah membuat pancang untuk "tree guard"

CK Wong telah kembali ke syarikat untuk melatih dan membimbing SFDSB di dalam pelaksanaan budaya Lean Six Sigma pada 8 February 2019 hingga 12 February 2019. Tumpuan utama latihan pada masa ini diberikan kepada nurseri dan dalam masa yang sama beliau juga melengkapkan latihan bimbingan untuk baki latihan penanam di dalam unit penanaman. Penumpuan bimbingan dan latihan kepada nurseri penting kerana mereka adalah pembekal kepada penanam, jika ada ganguan kepada pembekalan bibit, ia akan menyebabkan penanam tidak dapat menanam pada masa yang ditetapkan seterusnya memberi kesan kepada prestasi kerja mereka. Pada fasa kali ini, peserta yang dipilih untuk mengikuti latihan dan bimbingan ini ialah Baxter, Yeremia, Jamilah, Chindry, Bradleyon dan Stanley daripada unit Nurseri, Mazlan, Effendde, Semley, Sudi, Kilimin, Marcius, Paulus, Jamil dan Stephen Ah Kit daripada unit penanaman dan Peter daripada '*Forest Support Service'*. Mereka telah menunjukkan semangat terhadap sesi bimbingan dan mereka sentiasa memberikan pikiran atau idea dalam menambah baik proses di tempat mereka bekerja. Antara modul yang telah didedahkan kepada peserta adalah cabaran marshmallow, definasi LSS and prinsip, nilai dan jenis-jenis pembaziran, pemetaan proses nursery, carta top down dan Yamazumi board, dan Lego game. Para peserta juga telah dicabar untuk menyahut cabaran, penanam telah diminta untuk menanam 2,000 bibit Albizia, 1,000 bibit Albizia akan ditanam oleh kumpulan Harimau dan 1,000 bibit Albizia lagi akan ditanam oleh kumpulan Serigala. Unit nurseri dikehendaki untuk menyemai 42,000 bibit Laran Putih dan 36,000 bibit Laran merah dan sedia untuk ditanam pada 3 June 2019. Selain cabaran itu, kumpulan Serigala dari unit penanam dan kumpulan nurseri telah diminta untuk melaksanakan prinsip 5S di tempat kerja mereka masing-masing. Selain daripada penanam dan pekerja nurseri, CK juga mula melatih dan membimbing pihak pengurusan dalam pengurusan dengan memperkenalkan *leader standard work*, *visual control board*, *lean council*, *people centric meeting* dan banyak lagi. CK memperkenalkan kepada kumpulan berkenaan *MAGIC* (*M-Make better decision, A-Accountable, G-grow, I-Involve and C-change)*. Pada sesi kedua latihan yang bermula pada 11 March 2019 dan 15-24 April 2019, CK meneruskan latihan untuk memberi bimbingan kepada perserta tentang persediaan **KANBAN** di lapangan dan permainan **SMED** untuk belajar tentang memindahkan langkah-langkah proses yang boleh dipindahkan keluar daripada masa proses sebagai persediaan luaran. CK juga telah mengumpulkan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk mengetahui perkembangan perlaksanaan LSS fasa 1 dan beliau memberi bimbingan kepada mereka di dalam perkara yang mereka gagal untuk memberi perhatian. Kesemua peserta latihan L6S telah berkunjung ke ibu pejabat SFDSB di Kota Kinabalu untuk mendengar pembentangan dari unit plantation, nursery dan pihak pengurusan kem kepada pihak atasan pengurusan syarikat. Perserta-Peserta diberikan sijil penyertaan daripada Pengarah Urusan untuk menghargai usaha mereka di dalam perlaksanaan budaya Lean Six Sigma. Bimbingan Lean Six Sigma diteruskan dengan fasa 3 yang disertai oleh pekerja SFDSB yang bertanggungjawab untuk pemasangan *tree guard* dan beberapa pekerja nurseri yang belum menerima latihan. Mereka telah menerima set siibus yang sama dengan fasa 1 dan fasa 2. Proses yang digunakan semasa bimbingan adalah pemasangan *tree guard* untuk tanaman Laran dan proses merumput di plot nurseri. Perserta dan CK mengunjungi lapangan (Genba) untuk memahami proses pemasangan *tree guard* and proses merumput di nurseri. Peserta dari nurseri mempunyai PPV mereka sendiri untuk proses merumput. PPV untuk pemasangan tree guard akan diajar kepada peserta pada bimbingan yang akan datang.

Oleh: Edward Lee

Sijil Penghargaan — Lean Six Sigma

Kilimin Ansaat adalah pekerja Sapulut Forest Development sdn bhd. Beliau bekerja sebagai penanam di unit Penanaman BASIL. Pada 8 Februari hingga 24 April 2019 semua pekerja dari unit penanaman BASIL perlu menyertai latihan Lean Six Sigma yang diadakan oleh WCK Six Sigma Solutions. Selepas latihan selesai, Kiliman Ansaat telah dianugerahkan sijil penghargaan kerana telah menyumbang idea yang paling banyak sepanjang latihan diadakan. Oleh itu, pasukan newsletter mengambil peluang untuk mewawancara beliau. Dari temu bual itu, Kilimin berkata, latihan itu sangat berkesan untuk unit pasukan penanam kerana latihan ini adalah platform untuk melatih dan membaiki tenik menanam para penanam untuk menanam anak benih secara efektif dan bagaimana untuk mencapai sasaran tanaman yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan, bermakna latihan ini melatih mereka untuk menguruskan masa mereka dengan berkesan dan cekap dalam kerja harian mereka. Kilimin juga menyatakan, "Apa yang membuat saya gembira dengan latihan ini adalah saya belajar banyak perkara terutama mengubah kaedah bekerja saya menjadi lebih berkesan, terurus dan terancang. Saya akan memupuk PDCA yang telah diajar dalam cara saya bekerja secara berterusanApabila saya bekerja dengalan lebih efektif dan cekap, bermakna lebih banyak pendapatan yang saya akan perolehi. "Team buletin juga tidak lupa untuk mengucapkan tahniah kepada Kilimin Ansaat atas pencapaiannya setelah diberikan sijil penghargaan kerana menyumbangkan idea paling banyak sepanjang kursus. Ketika ditanya oleh team buletin, apakah antara idea yang telah beliau sumbangkan sehingga memperolehi sijil, beliau menjawab "di antara idea yang saya sumbangkan adalah mengenai warna cat kayu pancang yang pada asalnya bewarna biru supaya dicat kepada warna merah. Sebelum ini, kami menggunakan warna biru untuk mewarnakan kayu pancang, ini meyebabkan sukar untuk team audit dan team census mengenal pasti kayu pancang pada setiap anak benih kerana latar belakang hutan yang bewarna hijau".

Oleh: Johnson Joseph

Gambar 1: Kilimin bersama sijil peghargaan
Gambar 2: Kilimin Ansaat mengorek lubang untuk penanaman anak pokok
Gambar 3: Kilimin bersama kumpulan penanam (L6S training)
Gambar 4: Latihan L6S untuk penanam di lokasi penanaman

Mesyuarat Kali Pertama Para Pengurus dan Ketua– Ketua Jabatan Sapulut 2019

Gambar(atas): Aktiviti yang dijalankan semasa mesyuart para pengurus dan para ketua jabatan sapulut

Gambar : Pengurus dan Ketua—Ketua Jabatan Sapulut Forest Development Sdn.

Mesyuarat Pertama khususnya bagi Pengurus dan Ketua Jabatan Kumpulan Sapulut telah diadakan pada 3 dan 4 Mei 2019 di Bilik Persidangan, Wisma Manikar. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan Pengurus dan Ketua Jabatan. Selain daripada itu, untuk berkongsi maklumat terkini kepada Pengurus dan Ketua Jabatan berkaitan dengan syarikat. Aktiviti yang diadakan pada hari pertama adalah sesi pengenalan diri antara satu sama lain bagi mengeratkan hubungan silaturahim. Seterusnya, sesi pembentangan *Lean Six Sigma* (LSS) diketuai oleh Edward dan pasukan telah menjalankan aktiviti permainan titik bola dan berkongsi mengenai perkembangan latihan LSS menggunakan metodologi rancang, buat, semak dan tindakan (PDCA) yang perlu dilakukan secara sistematik demi memastikan peningkatan berterusan. Pada sesi petang, perbincangan mengenai Tujuh Rukun Wawasan telah diketuai oleh Encik Bryant di mana setiap Pengurus dan Ketua Jabatan memerlukan mengisi semua soalan berdasarkan setiap rukun seperti Nilai, Minat, Keinginan, Penyesuaian Diri, Corak , Tindak Balas dan Kesan.

Pada hari kedua, perbincangan Tujuh Rukun Wawasan diteruskan dengan Encik Bryant. Bagi sesi petang, Julie menyampaikan ringkasan akaun syarikat dan Deckna yang berkongsi mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan HR serta KPI. Bagi penutupan pada hari tersebut, semua Pengurus dan Ketua Jabatan berkongsi pengalaman dan maklum balas mereka mengenai aktiviti yang dijalankan selama dua hari dan Encik Norman juga berkongsi sepatah dua kata kepada semua sebelum mengakhiri sesi tersebut.

Oleh: Adrianna Cristie

Lawatan Borneo Forest Cooperative Ke Sapulut

Encik David Boden (Borneo Forestry Cooperative) dan Encik Agus (Sabah Softwood) telah melawat Sapulut Forest Development Sdn Bhd pada 29 dan 30 April 2019. Agenda yang dibincangkan sepanjang lawatan itu termasuklah jenis tanah, jumlah hujan, pemangkasan, perumputan, saliran nurseri dan plot inventori. Encik David Boden dan Encik Agus telah melawat BASIL 2017 untuk melihat jenis tanah daripada lubang tanah.

Beliau turut berkongsi nasihat teknikal dalam penyediaan tanah dengan menggunakan jentera yang berbeza. Selain itu, maklumat lain yang dikongsi oleh Encik David Boden termasuklah kesan rumpai terhadap isipadu hasil pertumbuhan dari tanaman anak benih yang ditanam, kos dan tenaga kerja menggunakan weedicides berbanding pemotongan rumpai secara manual. Dia juga menyebut tentang pemangkasan pada anak benih Albizia di lapangan.

Gambar: Pemeriksaan soil pits oleh En.

Photo : Mr. David Boden dan FMUEM melawat ke kawasan staking

Photo : Mr. David Boden melawat kawasan penanaman

Photo : Mr. David Boden melawat nurseri

Photo : Melawat kawasan penananman Albizia

Selain itu, maklumat tentang jenis baja, kos dan jumlah untuk anak benih dalam peringkat polibag turut dibincangkan. Encik Agus berkongsi maklumat mengenai reka bentuk plot inventori di kawasan penanaman untuk pengiraan isipadu. Encik David Boden berkongsi tentang analisis kos manfaat untuk sistem perladangan BASIL. Walaupun menjalankan kaedah perladangan hutan yang berbeza, tetapi banyak maklumat yang bermanfaat dikongsi semasa lawatan.BFC telah ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Sabah Softwoods Bhd dan Asian Forestry Company (Sabah) Sdn Bhd dengan kerjasama Boden and Associates Ltd.

Dengan kejayaan dan kemampanan bagi industri perkayuan Borneo yang terletak pada produktiviti dan kualiti perladangannya, rakan kongsi pengasas bertindak untuk menubuhkan kumpulan dan satu set prinsip yang membolehkan syarikat bekerjasama.
BFC telah berkembang menjadi sebuah syarikat berdaftar Malaysia, BFC Research and Development Sdn Bhd, dengan lima ahli syarikat yang mewakili 150,000 hektar ladang di seluruh Borneo. BFC mengambil pendekatan 360 darjah dalam penyelidikan perladangan dengan program yang meliputi pembiakan pokok, silvikultur, pengurusan bagi serangga dan kualiti kayu.

Sabah Softwoods Berhad (SSB) adalah syarikat perintis yang menceburi bidang ladang pokok komersil berskala besar di Malaysia. Objektifnya adalah untuk menanam semula spesies pokok yang tumbuh dengan cepat pada tempoh putaran yang lebih pendek secara homogen yang akan meningkatkan hasil per hektar dengan kecekapan operasi yang lebih tinggi pada kos optimum.

Oleh: Hue Su Wah

Gotong-royong dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Labang

Gambar kumpulan daripada wakil SFDSB dengan Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG

Beberapa kakitangan dan pengawal hutan dari Sapulut Forest Development Sdn Bhd meluangkan masa mereka pada hari Sabtu (4 Mei) untuk menyertai program 'gotong-royong' di SK Labang Sapulut dan ini dapat mengeratkan ikatan silaturrahim diantara sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PTA). Penyertaan mereka juga merupakan sebahagian daripada nilai-nilai dasar syarikat dengan menjalinkan hubungan yang baik diantara komuniti sekeliling. Dianjurkan oleh PTA, program ini terdiri daripada kakitangan syarikat yang terdiri daripada rangers dari *Forest Protection Division (FPD), Forest Support Services (FSS) and Machinery, Equipment and Vehicle Department's (MEVD) backhoe operator* yang meringankan tulang mereka bagi member bantuan dalam perubahan sekolah tersebut. Kakitangan syarikat yang tiba pada awal pagi memberikan bekerjasama bersama ibu bapa dan guru untuk mengecat dua blok sekolah dan menggali tapak pembuangan baru.

Selain itu, Operator backhoe SFDSB bergerak untuk menaik taraf jalan menuju ke rumah-rumah guru.
Dalam pada itu, syarikat juga membawa benih buah-buahan seperti manggis, durian dan alpukat yang akan ditanam di sekeliling sekolah. Anak benih tersebut merupakan benih dari tapak semaian syarikat.
Gotong-royong tersebut berakhir pada jam 5 petang dengan ucapan yang diberikan oleh guru besar SK Labang iaitu Yangin Bin Lumbis dan memberikan kata-kata penghargaan kepada SFDSB dalam mengambil bahagian dalam program tersebut. "Saya teringat pertama kali ketika SFDSB datang ke sekolah, mereka menyumbangkan beberapa kayu," katanya dan mengucapkan terima kasih kepada syarikat SFDSB atas kemurahan hati.
Walaupun cat tidak mencukupi dan tidak dapat menyelesaikan cat bagi blok ketiga sekolah namun program tersebut berjalan dengan lancar. Gotong-royong tersebut diakhiri dengan berkongsi makanan dan minuman bersama-sama seperti wain beras bagi kaum tradisional Murut.

Oleh: Lyevivialyne Sopital

Hari Sukan Sapulut 2019

"All work and no play makes Jack a dull boy."
Acara hari sukan tahunan syarikat itu dianjurkan untuk menggalakkan gaya hidup sihat, menerapkan kerja berpasukan dan perpaduan, dan member peluang kepada kakitangan untuk beramah mesra. Hari Sukan Tahunan 2019 telah diadakan dari 18 Februari - 1 Mei di stadium Perhutanan Tibow. Acara yang dijalankan termasuk badminton, ping pong, sepak takraw, bola sepak, dan bola tampar. Setiap staff digalakkan untuk menyertai sekurang-kurangnya satu acara bagi mengumpulkan mata. Pada akhir acara, pasukan yang memenangi mata tertinggi, akan memenangi piala Hari Sukan Tahunan secara keseluruhan untuk dipamerkan di pejabat mereka sehingga tahun berikutnya. "Sukaneka" merupakan aktiviti utama bertujuan untuk melibatkan semua pekerja dari setiap division, untuk bekerja secara berpasukan dan memenangi dalam acara perlumbaan relay.

Penutupan acara secara rasmi dimulakan dengan ucapan ringkas dari Pengurus Eksekutif Unit Penguru-san Hutan (FMUEM), Encik Teddy Sius. Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang mengambil bahagian serta mengucapkan tahniah kepada para pemenang. Division yang memenangi setiap aktiviti telah dihadiahkan pingat dan hamper yang mengandungi pelbagai hadiah. Acara ini merupakan peristiwa yang penting dan bermanfaat. Oleh itu, adalah wajar Sapulut terus mengadakan acara Hari Sukan Tahunan kerana ia menggalakkan semua kakitangan untuk kekal aktif dalam sukan dan meningkatkan kerja berpasukan.

Oleh: Tan Hui San, Intern 2019

Ahli Baru Keluarga Sapulut

Pada tahun ini, Sapulut Forest Development Sdn Bhd menerima ahli baru yang terdiri daripada tujuh pelatih dan satu kadet. Lima orang pelatih, Tan Hui San, Mohd Nur Azizi bin Aziz, Kenneth Areson Kuansin, Sylvester Suah, Mohd Hafiz bin Sayudi berasal dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dua lagi pelatih iaitu, Zachary Leslie berasal dari Oregon State University dan Matthew Ngui berasal University of Melbourne. Kadet, Anastasha Arlene Junigo berasal dari Keningau, yang merupakan lulusan graduan daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Para pelatih UMS akan ditempatkan di Sapulut selama enam bulan sehingga bulan Julai 2019. Bagi Zachary, beliau akan ditempatkan di kem Sapulut selama tiga bulan dan selain itu ditempatkan selama tiga bulan di ibu pejabat di Kota Kinabalu sehingga Ogos 2019 .
Semua pelatih akan diberi peluang untuk mengikuti semua jabatan mengikut jadual mereka. Berita baik untuk Matthew Ngui - dia telah diserap ke jabatan ICM yang bertempat di Kota Kinabalu. Marilah kita bersama-sama mengalu-alukan mereka dan berkongsi pengalaman agar mereka dapat memperoleh pengetahuan dalam merealisasikan visi dan misi syarikat.

Oleh: Peter Philip

Dari Kiri (Hadapan): Sylvester, Azizi, Kenneth
Dari Kiri (Belakang): Anastasha, Zachary, Hafiz, Tan Hui San, Matthew

GET INVOLVED: If you like to contribute articles, feel free to submit to ***newsletter@sapulut.com*** or contact any of the team members:-

***KK Office**: Deckna Mosinoh, Theresia Richard & Adrianna C. Jaudi* ***Base Camp**: Teddy Sius, Johnson Joseph & Eve Asjera Janim.*

We welcome any feedback or comments to improve the contents of our newsletter. We also welcome any of the staff who wish to become a member of Newsletter Team.